

MAHATHIR - GESA R.R.R.

1982

BALIK PULAU, 20 SEPT. (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED MENGGESA ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA JANGAN SUKA MENADAH TANGAN MENGHARAP BANTUAN ORANG DAN MENJADIKAN DIRI MEREKA SEBAGAI +BANGSA MEMINTA+.

MEREKA SEHARUSNYA BERDIRI ATAS KAKI SENDIRI DAN GIGIH BERUSAHA MENCAPAI KEJAYAAN DAN KESENYANGAN TANPA TERLALU MENGHARAPKAN BANTUAN.

+DI MANA LETAKNYA MARUAH ORANG-ORANG MELAYU SEKIRANYA KITA ASYIK MENADAH TANGAN KEPADA ORANG LAIN UNTUK MENOLONG KITA MENCAPAI SESUATU MAKSUD TANPA BERUSAHA SENDIRI,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PARA PETANI DAN PENDUDUK KAMPUNG SUNGAI BURUNG DI SINI HARI INI.

MENURUT BELIAU, ORANG YANG SELALU DITOLONG DAN DISOGOK DENGAN BERBAGAI-BAGAI BANTUAN SERTA KEMUDAHAN AKAN MENJADI TERLALU LEMAH DI SUATU MASA NANTI.

+OLEH ITU, SETIAP MAKSUD DAN PEKERJAAN ITU PERLU DIUSAHAKAN SENDIRI TANPA MENGHARAPKAN BANTUAN DARI ORANG LAIN DAN KEJAYAAN SERTA KESENYANGAN YANG DIRASAI NANTI ADALAH SATU NIKMAT YANG SEBENARNYA,+ UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI 1720/MB

MAHATHIR - GESA 2 BALIK PULAU

MENYENTUH TENTANG SUBSIDI YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN TERUTAMANYA KEPADA PARA PETANI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PARA PETANI TIDAK SEHARUSNYA MENGANGGAP IA SEBAGAI PUNCA KEKAYAAN ATAU PENDAPATAN MEREKA.

+IA MERUPAKAN LANGKAH KERAJAAN MEMBANTU PARA PETANI BAGI MEMPERBAIKI KEADAAN MEREKA SEHINGGA MEREKA BOLEH BERDIRI SENDIRI.

+MEREKA MESTI BERUSAHA DENGAN TEKUN BAGI MENJAYAKAN DIRI MADING-MADING TANPA TERLALU MENGHARAPKAN BANTUAN DARI KERAJAAN,+ KATANYA.

MENURUT BELIAU SKIM SUBSIDI ITU MERUPAKAN SATU SKIM BANTUAN SEMENTARA SEMASA GOLONGAN YANG TERLIBAT BERUSAHA MEMPERBAIKI KEADAAN MADING-MADING.

PARA PETANI, TAMBAH PERDANA MENTERI, TIDAK SEHARUSNYA TERLALU TERPENGARUH DENGAN SUBSIDI-SUBSIDI ITU DAN HANYA MENIKMATI KESENYANGAN MELALUINYA TANPA BERUSAHA TERLEBIH DAHULU.-- LAGI 1720/MK

MAHATHIR - GESA 3 BALIK PULAU

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA RAKYAT TERUTAMANYA PENDUDUK-PENDUDUK DI DAERAH INI SUPAYA MENERJAKAN TANAH-TANAH MEREKA YANG BANYAK TERBIAR.

MENURUT BELIAU, KERAJAAN SEDIA MENGELUARKAN BELANJA BERJUTA-JUTA RINGGIT UNTUK MENOLONG RAKYAT MEMPERBAIKI TANAH MEREKA TERUTAMANYA SAWAH.

MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MEMPERBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT TIDAK AKAN TERCAPAI SEKIRANYA MEREKA MASIH TIDAK MAHU BERUSAHA MENGUBAH NASIB MEREKA SENDIRI, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA KERAJAAN MEMPUNYAI BERBAGAI-BAGAI RANCANGAN UNTUK MENAIKKAN TARAF KEHIDUPAN PENDUDUK DI NEGARA INI TERUTAMA PARA PETANI YANG MEMPUNYAI TANAH SAWAH YANG TERBIAR.

SALAH SATU DARIPADANYA IALAH MENYATUKAN SAWAH-SAWAH PARA PETANI DI BAWAH SATU BADAN PENTADBIR DAN SAWAH-SAWAH YANG DICANTUM ITU DIKERJAKAN OLEH BADAN YANG BERKENAAN DENGAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MODEN. -- LAGI 1725/MK

B618

MAHATHIR-GESA 4 BALIK PULAU

MENURUT BELIAU, KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI NANTI AKAN DIBAHAGIKAN SAMA RATA MENGIKUT SAHAM YANG DIPEGANG OLEH PARA PETANI YANG TERLIBAT.

+PERUSAHAAN MENANAM PADI PERLU DIJADIKAN SATU INDUSTRI YANG BOLEH MENDATANG KEUNTUNGAN YANG LEBIH KEPADA RAKYAT,+ UJAR PERDANA MENTERI.

BELIAU JUGA MENYERU PENDUDUK-PENDUDUK DI SINI SUPAYA MENGGUNAKAN DENGAN SEPENUHNYA PELUANG-PELUANG UNTUK MEMAJUKAN DIRI MEREKA YANG BANYAK TERDAPAT DI SINI.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI CONTOH, POKOK-POKOH BULUH YANG BANYAK TUMBUH DI KAWASAN INI BOLEH MENDATANGKAN HASIL YANG LUKAYAN SEPERTI YANG DINIKMATI OLEH NEGARA FILIPINA YANG TERKENAL DENGAN HASIL BULUHNYA.

BERBAGAI-BAGAI JENIS BARANG-BARANG BOLEH DIJADIKAN DARI BULUH DAN IA MERUPAKAN SATU PERUSAHAAN YANG MENGUNTINGKAN, KATANYA.

-- LAGI 1725/MB

B619

MAHATHIR - GESA 5 BALIK PULAU

TURUT HADIR DI MAJLIS TERSEBUT IALAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI, PEMANGKU KETUA MENTERI DATUK ABDUL RAHMAN ABBAS, ANGGOTA-ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DAN PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN YANG LAIN.

MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PARA PENDUDUK ITU MERUPAKAN SALAH SATU DARI BERBAGAI -BAGAI ATUCARA YANG DISEDIAKAN SEMPENA LAWATAN PERTAMA PERDANA MENTERI KE DAERAH INI.

SETIBANYA DATUK SERI DR. MAHATHIR DI SINI, BELIAU TELAH DIBERI TAKLIMAT OLEH PEGAWAI DAERAH BARAT DAYA, ENCIK FAUZI ABDUL SAHMAN MENGENAI PEMBANGUNAN-PEMBANGUNAN DI DAERAH INI.

BELIAU DAN ROMBONGANNYA KEMUDIAN DIBAWA MELAWAT KE TAPAK PROJEK BAIKPULIH SAWAH DI SUNGAI BURUNG DAN DIBERI TAKLIMAT MENGENAI NYA OLEH ENCIK ZAHARIA ABDULLAH, PEGAWAI PROJEK TERSEBUT.

PROJEK BAIKPULIH SAWAH TERBIAR CADANGAN PERDANA MENTERI ITU AKAN MELIBATKAN LEBIH DARI 972 HEKTAR TANAH SAWAH TERBIAR YANG 20.25 HEKTAR TELAH DIUSAHAKAN SEJAK BULAN MAC LALU.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENAIKI SEBUAH HELIKOPTER TUDM UNTUK MENINJAU DARI UDARA KAWASAN-KAWASAN TANAH DI DAERAH INI DENGAN LEBIH JELAS LAGI. -- BERNAMA 1730/MB